



We will be conducting system maintenance from 21 Feb, 10pm to 22 Feb, 9am. Patrons will not be able to use NLB's digital services during this period.

## Perwanit keluar dari Persisi

Berita Harian, 14 July 1994, Page 12

Article also available on Microfilm Reel NL19592

Printer-Friendly Page

### Perwanit keluar dari Persisi 'Tidak lagi sealiran, sefahaman'

**PERSATUAN** Wanita dan Teruna (Perwanit) telah mengambil keputusan untuk menarik diri daripada menganggotai badan induk persilatan setempat, Persekutuan Silat Singapura (Persisi).

Setiausaha Agung Perwanit, Encik Johari H.M. Uriff, berkata keputusan itu diambil kerana kedua-duanya, sejak enam tahun lalu, tidak sealiran dan sefahaman.

Dalam suratnya kepada Editor *Berita Harian*, beliau menyebut lima perkara yang mendorong pihaknya mengambil keputusan itu:

- perwanit dianaktirikan dalam semua hal bersangkut-

tan hak sebagai kerabat;

- Persisi tidak pernah menjawab surat Perwanit;

- semua perkara silat tidak diberitahu kepada badan kerabat, tetapi langsung kepada perguruan berkenaan;

- janji yang tidak pernah ditunaikan; dan

- tidak mahu ambil tahu tentang perguruan silat yang dihancurkan oleh Persisi.

"Berdasarkan hal-hal tersebut, Perwanit mengambil sikap positif untuk keluar dari Persisi," kata Encik Johari dalam suratnya.

Beliau tidak dapat dihubungi bagi penjelasan lanjut.

Ketika dihubungi, Setia-

usaha Agung Persisi, Haji Sarkawi Haji Masom, berkata pihaknya belum menerima sebarang surat mengenai perkara itu daripada Perwanit.

Mengikut tatacara Persisi, pihaknya akan mengadakan mesyuarat setelah menerima surat serupa itu.

Sebelum ini, memang terdapat kekecohan antara kedua-dua badan silat itu.

Antaranya, pada Oktober 1991 Persisi dan Perwanit masing-masing mengadakan seminar mengenai silat secara berasingan dalam jarak seminggu.